

15 SEP 2000

MCA-Isa

MCA NEGERI SEMBILAN SENTIASA SOKONG MOHAMED ISA

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- MCA Negeri Sembilan menyokong penuh kepimpinan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad sebagai Menteri Besar kerana beliau telah menjalankan tugasnya dengan baik terutama dalam menjaga kepentingan semua kaum di negeri itu.

Setiausaha MCA Negeri Datuk Hon Choon Kim berkata selama Mohamed Isa memegang jawatan Menteri Besar, beliau telah banyak membawa pembangunan kepada negeri itu serta memberi kerjasama rapat kepada kaum Cina.

"MCA tidak ada masalah dengan kepimpinan Menteri Besar (Mohamed Isa) dan kita berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan kepada MCA dan kita sentiasa sokong beliau," katanya ketika ditemui hari ini.

Katanya selain memajukan infrastruktur seperti perumahan untuk rakyat negeri, Mohamed Isa juga telah banyak menyumbang kepada pembangunan sekolah Cina di negeri itu.

Katanya, beliau tidak tahu mengapa khabar angin masih lagi disebarkan mengenai peletakan jawatan Mohamed Isa sedangkan isu itu telah dijelaskan oleh pucuk pimpinan Umno termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir baru-baru ini ketika diminta mengulas perkara itu berkata beliau tidak mendengar apa-apa mengenai spekulasi peletakan jawatan Mohamed Isa.

Semalam pada mesyuarat khas Umno Negeri Sembilan yang dihadiri para pemimpin parti itu termasuk Mohamed Isa sendiri, keputusan sebulat suara dibuat yang menyatakan sokongan penuh kepada kepimpinan Mohamed Isa sebagai Menteri Besar dan Pengerusi Umno negeri.

Keputusan sebulat suara itu dibacakan oleh Ketua Penerangan Umno negeri Datuk Darus Salim Bulin.

Mohamed Isa selepas mesyuarat itu berlepas ke London untuk menghadiri persidangan Persatuan Ahli Parlimen Komanwel (CPA).

-- BERNAMA

APG AHH NMO